



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL MAHABBAH @**  
**RAMADHAN SYAWAL & PELANCARAN TONG**  
**KITAR SEMULA**

### **OLEH**

**YANG BERTAMBAH DATO' Ir HAJI AHMAD**  
**ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**  
**TIMBALAN KETUA MENTERI I PULAU PINANG**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**04 MEI 2021 (SELASA)**  
**9.30 MALAM**

**KIOSK@BERTAM KEPALA BATAS**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

**Yang Dihormati Encik Zainuddin bin Mohamed**  
Ahli Majlis  
Majlis Bandaraya Seberang Perai  
Merangkap Barisan Penganjur Karnival

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan Haji Zaini bin Aboo Hassan**  
Chief Executive Officer  
Tunas Indah Niaga  
Merangkap  
Pengerusi Penganjur Karnival Mahabbah@Ramadhan Syawal

**Drs Mohammad Nazri Bin Abdullah**  
Pengurus Kanan  
Tunas Indah Niaga

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

**Bismillahirrahmannirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Selamat malam dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada malam ini dalam Majlis Perasmian Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal yang dianjurkan oleh Tunas Indah Niaga. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya dan pegawai-pegawai MBSP untuk hadir di majlis ini.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang merangkap ADUN Pinang Tunggal kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis pada malam ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Puan Setiausaha

Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan serta warga kerja MBSP; dan para hadirin yang dihormati sekalian kerana sudi hadir bersama untuk memeriahkan lagi majlis pada malam ini.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Haji Zaini bin Aboo Hassan, *Chief Executive Officer* Tunas Indah Niaga dan kesemua Pegawai Tunas Indah Niaga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini. Tidak lupa juga tahniah dan syabas kepada Encik Zainuddin bin Mohamed, Ahli Majlis MBSP yang mencetuskan inisiatif ini bersama Tunas Niaga Indah.

**Yang Berhormat Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pandemik COVID-19 mengajar manusia menjalani norma baharu dalam semua aspek kehidupan. Dalam konteks penjarakkan, peletakan gerai hendaklah dua (2) meter antara satu sama lain. Taburan pengunjung hendaklah satu (1) meter antara satu sama lain manakala bilangan adalah dihadkan supaya tidak bersesak-sesak dalam satu masa. Bagi Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal telah ditetapkan 600

pengunjung dalam kawasan karnival pada satu-satu masa. Justeru, saya sangat berharap pengunjung yang berada di dalam kawasan karnival ini untuk mengawal diri masing-masing supaya jangan bersesak-sesak di satu-satu gerai tertentu dan penganjur juga perlu mempunyai bilangan petugas yang mencukupi supaya perkara ini dapat dipatuhi. Saya mengucapkan tahniah kepada Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal kerana dalam rekod MBSP, mereka telah mematuhi SOP yang ditetapkan pada tahap yang tinggi. MBSP akan terus membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya pematuhan SOP dapat dikekalkan sehingga tamat tempoh Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal.

Sebanyak 140 gerai berlesen beroperasi di karnival dengan penyediaan enam (6) pintu masuk dan keluar. Sehingga kini, anggaran pengunjung adalah dalam lingkungan 5,000 orang sehari dan dijangkakan akan ada pertambahan sehingga 10,000 orang selepas ini.

**Yang Berhormat Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

MBSP sebuah agensi pelaksana seperti PDRM dan KKM bertanggungjawab untuk memastikan semua SOP yang telah diputuskan oleh MKN dilaksanakan di peringkat tempatan. Walaupun begitu, MBSP sentiasa melihat keseimbangan pelaksanaan untuk memastikan keselamatan pendudukan daripada jangkitan COVID-19 dengan kestabilan ekonomi penduduk. Justeru, pada tahun 2021, MBSP telah meluluskan 42 bazar Ramadhan dan lapan (8) bazar Aidilfitri. Sebanyak 2,469 peniaga bazar Ramadhan dan 786 peniaga bazar Aidilfitri.

MBSP juga telah mengeluarkan lesen serta-merta untuk permohonan lesen premis dan iklan (tidak berisiko dalam skim), lesen penjaja dan lesen veterinar. Usaha ini telah meningkatkan pengeluaran lesen tersebut di atas sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.

Oleh itu, saya menyeru kepada pengunjung Karnival Mahabbah @ Ramadhan Syawal hendaklah bersama-sama penganjur, MBSP supaya mematuhi SOP ditetapkan supaya kita kekal selamat. Saya memahami adakala pematuhan terhadap SOP ini akan menimbulkan kepayahan dan kesusahan kepada semua pihak. Yang lebih penting adalah pematuhan supaya kita terus kekal berhadapan dengan Pendemik COVID-19 dan mengurangkan keperitan hidup daripada tekanan musibah ini.

**Yang Berhormat Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

Malam ini juga akan menyaksikan penyerahan tiga (3) tong kitar semula yang akan diletakkan di tiga lokasi strategik di karnival ini. Dalam kita menikmati makanan, membeli-belah dan sebagainya dalam karnival ini, besarlah harapan saya sekiranya peniaga-peniaga dan juga pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan. Selain daripada menjaga kebersihan, saya ingin menekankan kepentingan amalan pengasingan sisa di punca dan juga kitar semula.

Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada golongan masyarakat agar memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R MBSP iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, ReUse, Repair, Re-gift, Recover* dan *Recycle*.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa MBSP telah mencapai satu rekod yang membanggakan di mana penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan sisa buangan dan meningkatkan kadar kitar semula pada tahun 2020 sehingga mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di Malaysia.

**Yang Berhormat Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan tagline MBSP iaitu **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”**.



Terima kasih warga Seberang Perai yang menyokong semua usaha yang telah dibuat dan akan dilaksanakan oleh MBSP dan berharap agar tersu menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Akhir kata, ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program pada hari ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang memberikan sokongan padu ke atas kesemua usaha-usaha MBSP.

Saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**